

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa merupakan peristiwa sosial, dan individu dibentuk secara mendalam melalui bahasa yang dituturkan. Situasi sosial seperti persekitaran di mana kita mempelajari bahasa adalah instrumen dalam memperjelaskan bagaimana manusia memperoleh bahasa yang baru (Cortés, 2002:320). Manusia memerlukan bahasa untuk berkomunikasi antara satu sama-lain. Dengan bahasa juga manusia melahirkan perasaannya, menyampai ilmu dan mengakumulasinya, mengabadikan ilmu itu, menciptakan keindahan melalui kesusasteraan dan menurunkan ilmu, kebudayaan, peradaban dari generasi kepada generasi (Mangantar Simanjuntak, 1982:1)

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan bertujuan melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dalam berbahasa dan sebagainya (Zamri dan Zarina, 2001:40). Bagi mencapai tujuan murni ini, para pelajar mesti mempunyai wawasan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran mereka (ms. 40), termasuklah di dalam pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Sepanyol (BS). Para pelajar perlu menguasai semua aspek kemahiran bahasa walaupun BS merupakan bahasa kedua atau bahasa asing bagi pelajar berkenaan. Pada hari ini semakin banyak institusi pendidikan memperkenalkan program dan aktiviti tentang pendidikan multibudaya (Pudjiati, 1996:3). Program tersebut dilaksanakan dengan kepercayaan bahawa pendidikan multibudaya mendedahkan para pelajar dengan kehidupan yang merangkumi pelbagai etnik masyarakat (Webb, 1990). Ia dapat membantu para pelajar dalam memahami etnik

masyarakat dan menghargai budaya orang lain serta mengurangkan konflik interbudaya (Pudjiati, 1996:3).

Tambahan pula, di dalam era globalisasi pada hari ini, penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing selain bahasa Inggeris sangat berguna untuk meningkatkan keupayaan menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Malahan dapat meningkatkan peranan yang meluas dan berkesan dalam hubungan antarabangsa dan memudahkan seorang individu untuk berjaya dan bersaing dalam pasaran dunia pekerjaan kelak.

1.1.1 Bahasa Sepanyol (BS) di Peringkat Global

BS merupakan bahasa rasmi di 20 buah negara di Amerika Selatan (kecuali Brazil), Sepanyol dan Guinea Ecuatorial (Majlis Pendidikan, Kementerian Pendidikan dan Sains Sepanyol, 2005). Ia juga banyak dituturkan di Gibraltar (bahagian utara Morroco), Filipina dan Amerika Syarikat (Moreno dan Otero, 1998). Pada hari ini sekurang-kurangnya terdapat 400 juta penutur BS di seluruh dunia (Antonio, 2006). BS merupakan bahasa ke-4 pertuturan yang sering dituturkan di seluruh dunia selepas bahasa Cina, Inggeris dan Hindi (Antonio, 2006).

‘Di Amerika Syarikat terdapat hampir 20 juta penduduknya menjadikan BS sebagai bahasa ibunda mereka. Oleh itu, BS telah mempengaruhi aspek budaya, politik dan ekonomi mereka. Amerika Syarikat merupakan negara yang paling banyak menjadikan BS sebagai bahasa asing yang paling popular iaitu sebanyak 70% pelajarannya mempelajari BS sebagai bahasa asing kedua mereka. Di negara-negara kesatuan Eropah pula, terdapat hampir dua juta pelajar mempelajari BS di peringkat pendidikan menengah. Sementara itu, di Brazil, pelajar-pelajar di peringkat menengah adalah diwajibkan mempelajari BS sebagai bahasa asing mereka. Manakala, di negara-negara Eropah Barat dan Eropah Timur, BS merupakan bahasa yang paling popular

dipelajari di kalangan pelajar '(Majlis Pendidikan, Kementerian Pendidikan dan Sains, Sepanyol, 2005). Di negara-negara Timur pula, permintaan terhadap pembelajaran BS adalah kian meningkat (Cabrera, 2007).

Tambahan lagi, peranan yang dimainkan oleh BS di peringkat antarabangsa adalah tidak dapat dinafikan di mana ia menjadi salah satu bahasa rasmi dalam pertubuhan organisasi antarabangsa (Moreno dan Otero, 1998). Di antaranya ialah di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO), Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (Ybáñez, 1998). Malahan, BS merupakan bahasa komunikasi ke-2 di dalam arena antarabangsa seperti politik, ekonomi dan budaya (Antonio, 2006). Pada hari ini semakin ramai yang ingin mempelajari BS di serata pelusuk dunia, kerana ia adalah bahasa yang praktikal, bermanfaat di dalam bidang kerjaya malahan ia merupakan bahasa budaya yang mashyur dan bahasa untuk berkomunikasi (Antonio, 2006).

1.1.2 Pengajaran Bahasa Asing di Malaysia

'Di Malaysia usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan institusi pengajian tinggi untuk mempromosikan pembelajaran bahasa asing kepada masyarakat khususnya pelajar. Walaupun melalui beberapa masalah, usaha yang digembleng oleh mereka telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Oleh itu, bahasa asing seperti Perancis, Jerman dan Jepun kini diajar di kebanyakan sekolah berasrama, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta' (Tai dan Teh, 2005:61).

Bahasa Inggeris yang dahulunya menjadi bahasa kedua yang utama, kini mempunyai persaingan dengan bahasa-bahasa asing lain seperti bahasa Jepun dan Jerman dalam bidang kejuruteraan dan bahasa Perancis, Portugis dan Sepanyol yang

tertumpu kepada bidang sastera, budaya dan sejarah (Jamian, 2000). Bahasa Perancis mula diperkenalkan di Malaysia sebelum Perang Dunia Kedua di beberapa sekolah jenis 'Missionary' (*mission schools*) dan kini berkembang pesat di kebanyakan sekolah berasrama penuh kerajaan dan juga di institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia seperti Universiti Teknologi Mara dan Sunway College (Fatimah, 2000:1).

Penubuhan Institut Goethe pada tahun 1958 di Pulau Pinang merupakan era baru terhadap pengajaran bahasa Jerman secara formal. Institut tersebut kemudian berpindah ke Kuala Lumpur. Kerjasama dalam bidang perindustrian terutamanya kejuruteraan di antara Malaysia dan Jerman membolehkan wujudnya Institut Latihan Malaysia-Jerman (Jamian, 2000).

Selain itu, kewujudan Institut Cervantes di Kuala Lumpur pada tahun 2003 menandakan perkembangan pengajaran bahasa Sepanyol di Malaysia semakin menggalakkan. Institut ini berperanan sebagai pusat maklumat, penyebaran dan mempromosi budaya negara penutur bahasa Sepanyol di Malaysia (Martinez, 2005). *University Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute* (UniKL MSI) yang juga ditubuhkan pada tahun 2003 di Kulim Kedah (laman web UniKL MSI, 2007) merupakan satu usaha kolaborasi di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Sepanyol. Projek tersebut dibangunkan oleh MARA (Majlis Amanah Rakyat) bagi mewujudkan sebuah institut teknikal mahir yang menawarkan kursus di dalam bidang industri pembuatan automotif. Sebelum ini, UniKL MSI dikenali sebagai *Malaysian Spanish Institute* (laman web UniKL MSI, 2007).

Sejajar dengan kepesatan pembangunan globalisasi hari ini, kini pengajaran dan permintaan terhadap subjek/kursus bahasa asing selain bahasa Inggeris seperti Perancis, Jepun, Sepanyol, Jerman, Cina dan Arab semakin menggalakkan. Hampir kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia menawarkan kursus atau subjek bahasa asing kepada para pelajar seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra

Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan sebagainya (Apendiks A), Cambridge Damansara dan Kolej Universiti HELP (Martinez, 2004). UPM merupakan universiti yang paling banyak menawarkan kursus bahasa asing kepada pelajar iaitu sebanyak 14 jenis bahasa (Cina, Arab, Jerman, Perancis, Jepun, Sepanyol, Korea, Tamil, Myanmar, Parsi, Rusia, Thai, Vietnam dan Bangla).

Kementerian Pelajaran telah menukar istilah 'bahasa asing' kepada istilah 'bahasa antarabangsa' di dalam mesyuarat yang diadakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 7 Julai 2004 (Tai dan Teh, 2005:61). Rasional pertukaran ini adalah untuk membolehkan perbezaan dibuat antara konsep bahasa etnik di Malaysia dan bahasa-bahasa lain di dunia (ms. 61). Bahasa etnik di Malaysia merangkumi bahasa ibunda pelbagai kumpulan etnik seperti Mandarin dan Tamil. Di antara sebab lain perubahan ini adalah, istilah 'bahasa asing' membawa konotasi negatif dan keasingannya (ms. 61).

1.1.3 Perkembangan Pengajaran Bahasa Sepanyol (BS) di Malaysia

Dengan kesedaran kepentingan menguasai bahasa asing di dalam era globalisasi kini maka, pada hari ini kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta mula mengorak langkah ke hadapan dengan menawarkan kursus berkaitan dengan bahasa asing seperti BS pada peringkat ijazah, persijilan mahupun elektif.

Pada tahun 1972, Malaysia telah membuka lembaran baru dengan memperkenalkan satu bahasa asing yang baru kepada orang ramai iaitu BS. Universiti Malaya (UM) yang terletak di bandaraya Kuala Lumpur telah memulakan usaha ini dengan menawarkan BS sebagai kursus pilihan kepada orang awam. Kemudian, pada tahun 1998 UM telah melebarkan lagi pengajaran BS di Malaysia dengan menawarkan pengajian BS pada peringkat ijazah pertama. UM merupakan satu-satunya universiti di

Malaysia yang menawarkan pengajian BS pada peringkat ijazah sarjana muda sehingga ke hari ini. Universiti-universiti lain seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Teknologi Tun Hussein On (UTHO) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) (laman web UMT, 2007) pula menawarkannya sebagai kursus elektif kepada pelajar (Martinez, 2004).

Kursus BS juga terdapat di beberapa akademi swasta seperti Digital Smartland Sdn. Bhd., Computer Assisted Learning, Berlitz (Malaysia) Sdn. Bhd., Linguaphone Learning Centre dan Cambridge Damansara. Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Kuala Lumpur, Kolej Universiti HELP dan *University Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute* (UniKL MSI) juga tidak ketinggalan menawarkan kursus BS. Sekolah-sekolah antarabangsa yang kebanyakannya bertempat di Kuala Lumpur seperti Mont Kiara International School, Garden International School, French International School dan International School Kuala Lumpur juga menawarkan subjek BS kepada pelajar (Martinez, 2004).

1.1.4 Kelebihan Mempelajari Bahasa Asing

Pada hari ini individu multilingual memiliki kelebihan berbanding orang lain. Individu ini berkebolehan untuk melibatkan diri dalam masyarakat dan budaya yang pelbagai. Pelbagai organisasi telah menekankan kepentingan mempelajari bahasa asing. Di antaranya ialah *President's Commission on Foreign Languages and International Studies*, *National Advisory Board on International Education Program* dan *National Endowment for the Humanities* yang telah mengeluarkan kenyataan kepentingan mempelajari bahasa asing (Davis dan Markham, 1991). Kelebihan mempelajari bahasa

asing boleh dikategorikan kepada 4 bahagian iaitu individu, kognitif, akademik dan masyarakat (Marcos, 1998:2).

(i) Individu: Mengetahui lebih dari satu bahasa dapat meluaskan jaringan terhadap masyarakat sekeliling. Individu yang bertutur dan membaca lebih dari satu bahasa memiliki kebolehan untuk berkomunikasi dengan lebih ramai orang, membaca lebih banyak bahan-bahan bacaan dan lebih berpeluang untuk melancong ke negara-negara lain (Marcos, 1998:2). Cook (1991) juga berpandangan individu yang menguasai bahasa kedua berkebolehan untuk mengakses maklumat dalam bidang akademik, profesional dan sebagainya dengan lebih meluas. Melalui pembelajaran bahasa asing secara tidak langsung dapat memperkenalkan kepada pelajar cara-cara alternatif dalam menggambarkan diri mereka dan budaya yang berbeza-beza lantas memberikan pemahaman yang mendalam terhadap pengalaman manusia (Marcos, 1998:2). Ini dapat mendidik mereka agar menghargai adat dan budaya dan pencapaian komuniti masyarakat mereka sendiri (ms. 2). Malahan melalui pembelajaran bahasa asing akan meningkatkan kesedaran budaya, mengurangkan perasaan etnosentrik dan *'is an effective "antidote to cultural myopia"'* (Jakobovits, 1970).

Mempelajari bahasa kedua juga akan meningkatkan prospek kerjaya individu di masa hadapan seperti pegawai trafik udara, pekerja pusat pelancongan dan pemandu pelancong yang memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang baik (Cook, 1991). Banyak peluang kerjaya yang wujud sekiranya pelajar mengetahui bahasa dan budaya lain seperti di dalam bidang diplomasi, perniagaan, pendidikan, kastam, *'foreign service'*, *'immigration services'* dan sebagainya (Branaman, 1998).

(ii) Kognitif: Pelajar yang menerima pembelajaran bahasa asing adalah lebih kreatif dan baik dalam menyelesaikan masalah yang kompleks berbanding mereka yang tidak mempelajari bahasa asing (Bamford dan Mizokawa, 1991). Dengan mempelajari bahasa

kedua, dapat melatih otak untuk bersifat logik dan berupaya untuk menyelesaikan masalah (Cook, 1991).

(iii) Akademik: Melalui pembelajaran bahasa asing, kemahiran akademik seperti kebolehan membaca dapat dipertingkatkan dan banyak kajian menyatakan wujud hubungan yang positif di antara pembelajaran bahasa asing dan pencapaian bahasa (Marcos, 1998).

(iv) Masyarakat: Individu yang berkebolehan dalam dwibahasa dan multilingual memiliki banyak kelebihan kepada masyarakat. Di negara Amerika, individu yang berkebolehan bertutur lebih dari satu bahasa dapat membantu meningkatkan ekonomi negara mereka dan membantu mempromosikan pemahaman pelbagai budaya di negara mereka sendiri (Marcos, 1998:3). Sebagai contoh pakar perniagaan antarabangsa, wakil media luar negara, diplomat dan pekerja syarikat penerbangan memerlukan individu yang mengetahui bahasa dan budaya lain. Meningkatkan keupayaan bahasa pelajar di sekolah akan dapat memperbaiki keberkesanan daya bekerja kelak (ms. 3). Cook (2001) juga mengatakan masyarakat sentiasa memerlukan individu yang berkebolehan di dalam dwibahasa bagi merapatkan jurang di antara dua buah negara terutamanya dari segi ekonomi atau politik.

Selain itu, menurut Cook (2001) melalui bahasa kedua dapat membantu pelajar menjadi individu yang berautonomi, berdikari dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri Beliau menyatakan *'From another angle many support 'autonomous' language learning where the learners take on the responsibility for themselves....* (ms.172). Pembelajaran bahasa kedua juga membantu para pelajar mengenali sikap budaya seperti yang terkandung di dalam sesuatu bahasa dan mempelajari penggunaan konvensi sosial (ms. 172).

1.1.5 Pengajaran Bahasa Sepanyol (BS) di Universiti Putra Malaysia (UPM)

Di UPM subjek BS ditawarkan di bawah Jabatan Bahasa Asing (JBA), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). FBMK telah ditubuhkan pada tahun 1999. Salah satu objektif fakulti ini ditubuhkan adalah untuk melahirkan tenaga terlatih yang mempunyai kepakaran dalam bidang kebahasaan, kesusasteraan dan komunikasi dan mampu memberikan sumbangan positif ke arah memenuhi keperluan sumber daya manusia dan peningkatan kualiti hidup sejajar dengan pembangunan negara.

Pada ketika ini JBA menawarkan kursus pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Bahasa Asing) dengan pengkhususan bahasa Perancis, Jerman, Arab dan Cina. BS masih belum ditawarkan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda lagi. Subjek BS adalah terbuka kepada semua pelajar di UPM (diploma dan ijazah pertama) sama ada ia diambil secara elektif, audit atau wajib. Pada ketika ini, subjek BS adalah menjadi subjek wajib kepada pelajar FBMK iaitu pelajar yang mengikuti pengajian Bahasa dan Linguistik Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Asing (Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Jerman, Bahasa Perancis), Kesusasteraan Melayu dan Kesusasteraan Inggeris. Kesemua mereka diwajibkan untuk mengikuti kursus ini sehingga tahap tiga (lanjutan). Manakala, pelajar-pelajar dari bidang pengajian lain seperti ekonomi dan sains tidak diwajibkan untuk mengambil subjek BS dan mereka boleh mengikuti kelas BS sehingga ke tahap III.

Terdapat 3 peringkat kecekapan BS yang ditawarkan ketika ini iaitu BS I (asas), II (pertengahan) dan III (lanjutan). Bagi kesemua peringkat ini mereka dikehendaki hadir sebanyak 3 jam seminggu (2 + 1) meliputi pengajaran di dalam kelas (2 jam kredit) dan tutorial (1 jam kredit). Pelajar yang mengambil subjek BS adalah terdiri dari pelbagai fakulti pengajian seperti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Sains, Sains Kesihatan dan Teknologi Makanan, Ekologi Manusia dan sebagainya (Apendiks C).

Pada ketika ini, tenaga pengajar BS terdiri dari tiga orang wanita tempatan dan salah seorang dari mereka adalah pengkaji sendiri. Kesemuanya telah berpengalaman mengajar subjek BS lebih dari empat tahun. Oleh kerana, pengkaji merupakan salah seorang tenaga pengajar tersebut maka, ia dapat memudahkan lagi proses kajian ini.

1.2 Penyataan Masalah

BS merupakan salah satu bahasa asing yang ditawarkan di JBA FBMK UPM. Kursus ini adalah terbuka bagi semua pelajar di UPM. Pengkaji telah mengajar di UPM selama empat tahun dan mendapati terdapat jurang perbezaan pencapaian di kalangan pelajar Melayu, Cina dan India. Sehingga ke hari ini masih belum banyak kajian yang menumpukan pembelajaran BS di Malaysia. Banyak kajian dilakukan di dalam bahasa asing lain seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Sebagai contoh kajian sikap pelajar Melayu dan Cina di Universiti Malaya terhadap bahasa Inggeris (Chow, 2001), kajian mengenai sikap pelajar Melayu di Universiti Islam Antarabangsa terhadap pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing (Hassan Mohamed Doka, 2000) dan kajian sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Jepun di UPM oleh Muhammad Alif (2006).

Dari pemerhatian pengkaji, permintaan terhadap pembelajaran BS di UPM semakin meningkat setiap semester berbanding bahasa asing lain seperti Perancis dan Jerman. Kebanyakan pelajar yang mengambil kursus BS adalah sebagai subjek pilihan dan datang dari pelbagai bidang pengajian seperti sains, kejuruteraan, ekonomi, perakaunan dan sastera. Malahan bilangan pelajar Cina yang mendaftar subjek ini adalah lebih tinggi berbanding pelajar kaum Melayu dan India. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengkaji dan mencari penyebab di sebalik keadaan ini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji sikap pelajar di dalam pembelajaran bahasa Sepanyol di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Objektif spesifik kajian ini adalah:

- a) mengenalpasti orientasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol,
- b) mengenalpasti motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol,
- c) mengetahui hubungan di antara orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian mereka, dan
- d) melihat perbandingan orientasi dan motivasi pelajar Melayu, Cina dan India terhadap pembelajaran BS.

1.4 Kepentingan penyelidikan

Kajian ini akan memberikan maklumat dan data tentang peranan orientasi dan motivasi dalam pembelajaran dan penguasaan BS di kalangan pelajar UPM. Kajian ini juga memberikan pengetahuan yang luas tentang orientasi dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran BS sama ada secara positif atau negatif dan tinggi atau rendah.

Dari dapatan ini juga dapat memberikan sedikit sebanyak informasi tentang sikap dan masalah pelajar dalam mempelajari bahasa serta cadangan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Di samping itu, hasil kajian ini dapat memperlihatkan penyebab atau tujuan pelajar mempelajari BS dan perbandingan aspek orientasi dan motivasi oleh pelajar Melayu, Cina dan India.

Akhir sekali, dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh tenaga pengajar bahasa Sepanyol dalam meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran bahasa asing melalui perancangan dan strategi yang sesuai digunakan untuk subjek ini, sekaligus mampu membangkitkan minat dan motivasi terhadap bahasa Sepanyol.

1.5 Batasan kajian

Kajian ini akan dibataskan kepada pelajar-pelajar Melayu, Cina dan India yang mengambil subjek BS sebagai elektif, audit atau wajib di FBMK, UPM sahaja. Ia juga terbatas kepada pelajar yang mengambil subjek ini di tahap satu sahaja. Subjek kajian ini terbatas kepada 73 orang pelajar sahaja iaitu 30 orang pelajar Melayu, 30 orang pelajar Cina dan 13 orang pelajar India. Pembahagian responden adalah tidak seimbang di mana, pengkaji hanya memperolehi 13 orang responden berbangsa India. Ini disebabkan bilangan pelajar India yang mendaftarkan diri mereka untuk subjek ini pada semester tersebut, hanya berjumlah 13 orang sahaja.

Dalam kajian ini pengkaji tidak mengambil kira aspek gender sebagai pembolehubah. Aspek gender adalah bukan salah satu tujuan kajian ini dilakukan tetapi mengkaji orientasi dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran BS, hubungan di antara orientasi dan motivasi pelajar-pelajar ini dengan pencapaian mereka dan melihat perbandingan orientasi dan motivasi pelajar Melayu, Cina dan India dalam pembelajaran BS.

1.6 Pengertian Istilah

Di bawah disenaraikan beberapa pengertian istilah yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam kajian mengenai orientasi dan motivasi pelajar dalam mempelajari BS.

1.6.1 Bahasa Pertama/Bahasa Ibunda

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1988:269):

‘Bahasa pertama ialah bahasa yang mula-mula sekali diperolehi dan dikuasai oleh seseorang sejak dia masih kanak-kanak iaitu sebelum dia mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua. Bahasa pertama ini sering juga disebut bahasa kandung atau bahasa ibunda’.

Dalam kajian ini, bahasa pertama/ibunda responden dirujuk sebagai bahasa Melayu, Mandarin, Kantonis, Tamil dan Telegu iaitu bahasa yang mula-mula diperolehi dan dikuasai sejak kecil lagi.

1.6.2 Bahasa Asing/Bahasa Kedua

Menurut Littlewood (1984:2) ‘...bahasa asing adalah dipelajari bagi tujuan perhubungan dengan komuniti luar yang lain’. Cook (1991:6) pula mengatakan bahasa kedua ialah bahasa yang diperolehi oleh seseorang selain dari bahasa ibunda mereka.

Manakala, menurut Kamarudin Hj. Husin (1988:269):

‘Bahasa kedua adalah bahasa yang kedua yang dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung yang dia perolehi. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu’.

Dalam kajian ini, bahasa asing responden dirujuk sebagai BS di mana responden mempelajarinya secara formal ketika dewasa di institusi pengajian tinggi dan setelah menguasai bahasa ibunda mereka bagi tujuan-tujuan tertentu seperti bagi mengetahui dan mendekati budaya dan masyarakat Sepanyol, berkomunikasi dan manfaat utilitari.

1.6.3 Bahasa Sasaran

Kamus *Online Meriam Webster* (2007) mendefinisikan bahasa sasaran sebagai bahasa selain dari bahasa ibunda diri sendiri di mana ia dipelajari. Dalam kajian ini, bahasa sasaran merujuk kepada BS iaitu bahasa selain dari bahasa ibunda yang dipelajari oleh responden ketika menuntut di universiti.

1.6.4 Orientasi

Gardner (1985:54) menyatakan orientasi adalah tujuan untuk mempelajari bahasa kedua. Belmechri dan Hummel (1998:220) pula mendefinisikan orientasi

sebagai matlamat jangka panjang bersama-sama dengan sikap yang dapat mengekalkan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa kedua.

Berdasarkan definisi di atas orientasi merujuk kepada penyebab, tujuan atau matlamat responden dalam mempelajari BS sama ada untuk memahami dan mendekati masyarakat penutur bahasa sasaran atau untuk kepentingan diri sendiri seperti memperolehi kerjaya yang baik.

1.6.5 Motivasi

Gardner & MacIntyre (1991:58) menyatakan motivasi sebagai tujuan, meneguhkan usaha untuk mempelajari bahasa. Manakala, menurut Dornyei (2000:425):

‘Motivation is one of the two key learner characteristics that determine the rate and the success of foreign language (L2) learning (the other being aptitude): motivation provides the primary impetus to embark upon learning, and later the driving force to sustain the long and often tedious learning process’.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini motivasi dirujuk sebagai segala usaha, dorongan, aspirasi, keinginan dan tujuan responden dalam mempelajari BS dan ia akan menentukan matlamat dan pencapaian mereka.

1.6.6 Sikap

Gardner (1985:9) menyatakan sikap sebagai reaksi penilaian terhadap beberapa simbol atau sikap objek, kesimpulan dari asas pendapat atau pandangan individu tentang simbol. ‘Simbol atau sikap objek adalah sikap tentang atau terhadap sesuatu seperti sikap terhadap pembelajaran bahasa’ (ms. 9). Manakala, menurut Lemon (1973:8) sikap merujuk kepada beberapa proses psikologi di mana ia menentukan kelakuan seseorang individu.

Sikap dalam penyelidikan ini diistilahkan sebagai satu keadaan fikiran, perasaan, pendapat, andaian dan reaksi responden terhadap pembelajaran bahasa

Sepanyol. Sikap tersebut menjadi salah satu faktor yang dapat membantu menentukan motivasi mereka ketika mempelajari bahasa Sepanyol.

1.6.7 Pembelajaran

Littlewood (1984:3) menyatakan pembelajaran merujuk kepada proses secara sedar bagi mengantarabangsakan bahasa kedua. Menurut Brown (2000:7) pula pembelajaran ialah memperolehi atau mendapatkan pengetahuan tentang sesuatu perkara atau kemahiran melalui pembelajaran, pengalaman atau pengajaran.

Dalam kajian ini konsep pembelajaran dipadankan dengan segala aktiviti dan penglibatan responden yang dilakukan secara sedar bagi memperolehi pengetahuan dan kemahiran ketika berada di dalam kelas BS.

1.6.8 Etnosentrisme

Ashton (2004:1042) mengatakan etnosentrisme sebagai pandangan individu terhadap bahasa ibunda mereka sebagai bahasa yang lebih tinggi kedudukannya, diiringi dengan perasaan curiga terhadap idea dan masyarakat orang asing. Etnosentrisme juga membawa maksud bahawa kita menilai masyarakat lain daripada kaca mata kita sendiri, serta memperihalkan mereka dalam peristilahan kita (Eriksen, 2001:22).

Etnosentrisme atau sikap etnosentrik dalam kajian ini bermaksud pandangan atau penilaian individu akan ketinggian bangsa, budaya dan bahasa ibunda mereka berbanding masyarakat lain.

1.6.9 Etnik

Menurut Eriksen (1993:7) istilah etnik merujuk kepada hubungan di antara kumpulan di mana ahli dalam kumpulan tersebut beranggapan berbeza dari yang lain. Manakala, kamus *Online Longman Dictionary Of Contemporary English* (2008)

mendefinisikan etnik sebagai yang berkait dengan kaum, bangsa atau kumpulan yang khusus dan adat serta tradisi mereka.

Berdasarkan definisi tersebut, etnik dalam kajian ini adalah merujuk kepada kaum, kumpulan dan bangsa yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang memiliki ciri-ciri adat dan tradisi yang berbeza.

1.7.0 Pencapaian

Gardner (1985:12) menyatakan pencapaian sebagai pengetahuan tentang struktur bahasa seperti perbendaharaan kata, tatabahasa, penyebutan atau kecekapan di dalam empat asas kemahiran iaitu pertuturan, pemahaman, pembacaan dan penulisan. Maka pencapaian di dalam kajian ini diistilahkan sebagai tahap pencapaian BS responden di dalam pertuturan, pemahaman, pembacaan dan penulisan yang diperolehi dari markah keseluruhan peperiksaan akhir semester. Markah tersebut dianalisis bagi mengetahui tahap pencapaian bahasa dan gred responden. Ia dikelaskan seperti di dalam Jadual 1.0 berikut.

Jadual 1.0 Markah, gred dan tahap pencapaian bahasa responden

Markah	Gred	Tahap pencapaian bahasa
80-100	A	Tinggi/Cemerlang
60-79	B	Baik
47-59	C	Rendah
40-46	D	Lemah
0-39	F	Gagal

1.8 Kesimpulan

Kajian ini adalah satu penyelidikan yang akan memperlihatkan aspek orientasi dan motivasi responden di dalam pembelajaran BS. BS dipelajari sebagai bahasa asing iaitu bahasa yang diperolehi selepas bahasa ibunda mereka. Sorotan kajian dalam Bab yang seterusnya akan menonjolkan latarbelakang aspek ini.